



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S) 43/2022(JPK)
TARIKH : 18 MEI 2022

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** Dan **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

Tajuk Perolehan	Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas	Lokasi & Tarikh Penjualan / Harga Dokumen	Pendaftaran / Lawatan Tapak (Wajib)	Tarikh, Waktu Tutup Tawaran & Tempat Penghantaran
KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PAIP/SANITARI, ELEKTRIKAL DAN BANGUNAN, BANGUNAN TANDAS-TANDAS AWAM MILIK PERBADANAN LABUAN (ZON A) (24 BULAN)	Berdaftar dengan SPKK / CIDB Gred: G1 Kategori: C, B, ME Pengkhususan: CE21, B10 DAN M15 DAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)	Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan 20.5.2022 sehingga 27.5.2022 (semasa waktu pejabat) RM 15.00 (tidak dikembalikan)	20.5.2022 (9.00pagi) Pendaftaran di Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan, Tingkat 6, Menara Perbadanan Labuan	1.6.2022 (12.00 tengah hari) Peti Sebut Harga No. 1 Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya **BERSERTA SATU SALINAN** dari **SPKK** dan **Perakuan Pendaftaran CIDB** dan **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga (sekiranya diwajibkan). Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama dalam sijil. Oleh itu, syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat www.pl.gov.my.